


PERLEKATAN LABIA



Perlekatan labia sering berlaku di kalangan gadis perempuan. Ia adalah istilah yang digunakan apabila kedua-dua belah labia melekat antara satu sama lain. Perlekatan ini biasanya akan terbuka semasa mencapai akhil baligh (haid pertama). Biasanya, rawatan tidak diperlukan atau digalakkan kerana boleh menyebabkan ketidakselesaan/kesakitan. Jika diberi rawatan, terdapat risiko perlekatan tersebut terjadi kembali.

GEJALA DAN TANDA

Perlekatan tersebut boleh dilihat di bahagian tengah dan berupa seperti garisan yang nipis dan halus. Ia biasanya terbentuk di antara umur satu dan dua tahun, dan tidak ada di waktu lahir.

SEBAB

Penyebab keadaan ini belum dapat dipastikan. Ia mungkin boleh berlaku setelah inflamasi atau jangkitan, contohnya vulvovaginitis.

RAWATAN

Perlekatan ini akan berlerai secara semulajadi sebelum haid pertama. Ini boleh berlaku dalam jangka masa yang lama. Biasanya, ini berlaku secara tidak disedari kerana tidak terasa sakit. Rawatan dengan ubat, mengurut, atau krim tidak diperlukan.

Rawatan pemisahan perlekatan tersebut secara paksa tidak digalakkan oleh kerana, ada risiko tinggi perlekatan tersebut boleh terjadi semula, menyebabkan sakit dan gadis tersebut akan membesar dengan perasaan terdapat sesuatu kelainan pada dirinya. Rawatan terbaik dan paling selamat untuk keadaan ini adalah untuk membiarkan sahaja.

KEADAAN BERKAITAN

Seringkali gadis ini boleh mendapat jangkitan air kencing. Ini jarang berlaku dan boleh dirawat secara mudah dengan antibiotik. Asalkan terdapat pembukaan yang kecil (satu milimeter atau lebih) air kencing dapat mengalir keluar.

Tidak ada kaitan diantara perlekatan labia dengan masalah kesihatan yang lain. Perlekatan labia tidak mempunyai kaitan dengan kesuburan. Apabila dewasa, persetubuhan dan kehamilan adalah sama seperti wanita yang lain.

RAWATAN SUSULAN

Selagi perlekatan labia tidak menyebabkan masalah, ia boleh dibiarkan sehingga ia terlerai secara semulajadi.

KESIMPULAN

- Perlekatan labia sering berlaku
- Ia biasanya tidak menyebabkan masalah
- Ia tidak berkaitan masalah kesihatan yang lain
- Perlekatan ini akan berlerai secara semulajadi sebelum haid pertama
- Rawatan terbaik dan paling selamat untuk keadaan ini adalah untuk membiarkan sahaja

Risalah Maklumat Untuk Pesakit ini diterjemah daripada "Labial Fusion"- Kid's Health Info, Royal Children's Hospital, Melbourne.
http://www.rch.org.au/kidsinfo/fact_sheets/Labial_fusion/

Diterjemah oleh:
Dr Hairil Halim
Jabatan O&G, Hospital Kuala Lumpur

Dr Lavitha Sivapatham,
Jabatan O&G, Hospital Ampang
Januari 2017

Untuk maklumat lebih lanjut, sila berhubung dengan
Dr Lavitha Sivapatham
Pakar Ginekologi Kanak Kanak & Remaja,
Jabatan O&G, Hospital Ampang

PERLEKATAN LABIA

(labial fusion/labial adhesion)